

Anwar nafi ada maklumat SD sokong Dr Mahathir

BH
- 13/2/2020
m/s: 6

Shah Alam: Presiden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menafikan ada maklumat mengenai apa yang dikatakan sebagai akuan bersumpah (SD) dalam parti politik untuk menyokong Tun Dr Mahathir Mohamad untuk meneruskan penggalnya sebagai Perdana Menteri.

Anwar berkata, sehingga kini beliau tidak dimaklumkan mengenai kesahihan dakwaan yang mahu menghalangnya daripada menjadi Perdana Menteri sebelum Pilihan Raya Umum

Ke-15 (PRU-15).

“Saya tidak menerima sebarang maklumat rasmi mengenai perkara itu (kesahihan dakwaan itu),” katanya ringkas kepada pemberita selepas menghadiri Persidangan Serantau Hidup Bersama Dalam Budaya Damai 2020 di sini, semalam.

Portal berita, *Sarawak Report* kelmarin yang memetik sumber dalam laporannya mendakwa, terdapat individu yang sudah mengumpulkan Ahli Parlimen dalam usaha menafikan keputusan



“Saya tidak menerima sebarang maklumat rasmi mengenai perkara itu (kesahihan dakwaan itu.)”

Anwar Ibrahim,
Presiden PKR

PRU-14 lalu.

Laporan itu juga mendakwa, Ahli Parlimen yang setia kepada UMNO, PAS, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) dan seorang pemimpin kanan dalam PKR sudah diminta datang ke Kuala Lumpur bagi menandatangani SD itu.

Difahamkan SD berkenaan adalah untuk menyokong penangguhan peralihan kuasa Perdana Menteri kepada Anwar sehingga pilihan raya umum akan datang.

Bagaimanapun, menurut *Sarawak Report* bagaimana SD itu akan digunakan kelak masih tidak jelas.